

NCER tukar landskap kawasan 2.4 juta hektar

Projek 20 tahun utamakan pertanian, pembuatan, perkhidmatan

Oleh Azmi Md Deros

ALOR STAR: Pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini, akan menukar landskap kawasan seluas 2.4 juta hektar di utara negara menjadi wilayah produktif melalui tiga teras ekonomi - pertanian, pembuatan dan perkhidmatan.

Projek 20 tahun meliputi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak itu dijangka memberi manfaat kepada lebih 4.29 juta penduduk.

Ia adalah rancangan pembangunan wilayah melewati batas sempadan negeri yang terbesar dilaksanakan kerajaan setakat ini, berbanding Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dilancarkan 4 November tahun lalu membabitkan kawasan seluas 2,200 kilometer persegi atau dua kali saiz Singapura.

Menerusi pelaksanaan dalam empat Rancangan Lima Tahun Malaysia, kerajaan menetapkan sasaran menyediakan peluang pekerjaan kepada setengah juta orang menjelang 2012 dan meningkat kepada sejuta orang pada 2020.

Pelan yang diterajui Sime Darby Bhd (Sime Darby) itu akan memberi tumpuan kepada peningkatan ekonomi penduduk kerana ketika ini lebih tiga perempat daripada isi rumah di wilayah itu memperoleh purata pendapatan bulanan kurang RM2,477, kedua paling rendah selepas wilayah Pantai Timur.

Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby, Datuk Ahmad Zubir Murshid dilaporkan berkata, cabaran utama pihaknya ialah menyeimbangkan paras pendapatan serta membasmi kemiskinan menjelang 2010, sedangkan 29 peratus daripada golongan miskin tegar menetap di Koridor Utara.

Melalui insentif pertanian, NCER akan menjadi zon makanan moden Malaysia yang bertujuan meningkatkan eksport pertanian. Tumpuan



Ahmad Zubir Murshid

sektor pertanian termasuk padi, akuakultur, perikanan, penternakan haiwan, buah-buahan dan sayur-sayuran serta herba.

Dalam aspek pertanian, NCER akan meningkatkan purata pendapatan petani di atas paras RM1,500 sebulan menjelang 2012, berbanding kurang RM500 pada 2005.

Selain itu, NCER merancang memanfaatkan potensi industri hiliran dengan pembangunan kawasan pemprosesan taman pertanian dengan produk boleh dihasilkan dan diproses dengan melaksanakan konsep menjana kekayaan daripada bahan buangan.

Ia turut memastikan sektor pembuatan menjadi hab elektronik berteknologi tinggi, selain aktiviti hiliran industri automotif dan pertanian termasuk memanfaatkan potensi bioteknologi dan membangunkan bahan daripada tanaman pertanian lestari serta sektor minyak dan gas.

Perancangan perindustrian kluster di wilayah itu dilihat relevan kerana hanya kira-kira 20 peratus pelaburan pembuatan di Malaysia beroperasi di utara.

Dalam aspek pelancongan pula, NCER mensasarkan aktiviti pelancongan pulangan tinggi, khususnya

di Langkawi, dan pelancongan perubatan di Pulau Pinang, selain ekopelancongan di Merbok dan Ulu Muda di Kedah, serta Lembah Belum di Perak.

Ketika ini kurang daripada satu pertiga pelancong yang melawat Malaysia mengunjungi wilayah itu.

Dari aspek modal insan pula, NCER akan mengutamakan program latihan kemahiran untuk belia kerana data menunjukkan setiap tahun 26,000 pelajar tercicir dengan 10,000 daripada mereka berusia 15 tahun ke bawah.

Sebagai pelan komprehensif, NCER turut mengambil kira aspek penjagaan alam sekitar, khususnya sumber air, kawasan tadahan dan hutan kekal yang perlu diwartakan.

Walaupun, NCER tidak membabitkan pembinaan lapangan terbang atau pelabuhan baru, Ahmad Zubir berkata, pihaknya akan memperluaskan infrastruktur sedia ada.

"Sebagai contoh, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Walaupun ada kekangan, terdapat potensi untuk mengembangkan lapangan terbang itu ke laut dan memanjangkan landasan bagi pesawat lebih besar mendarat.

"Selain itu, lapangan terbang perlu diperluaskan untuk bertindak sebagai hab kargo dalam kawasan pertumbuhan segi tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Pada 2005, lapangan terbang itu mengendalikan 31,173 pesawat dan 221,971 tan kargo.

Bagi Pelabuhan Pulau Pinang, Sime Darby mengemukakan dermaga kontena yang lebih dalam dan kawasan kontena lebih besar untuk meningkatkan kapasitinya, untuk menjadikan hab di Utara.

Insentif juga boleh diberikan kepada Thailand dan Indonesia untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pelabuhan pilihan mereka.

Sime Darby juga mengemukakan cadangan untuk menaik taraf lebu

raya Jeli-Grik dan keperluan sambungan landasan antara Kota Bharu dan Pulau Pinang.

"Ia bagi menambah baik sistem pengangkutan dan untuk menyambungkan koridor timur dan utara pada masa depan.

Turut diberi tumpuan ialah sektor pelancongan, dengan tumpuan pelancongan pulangan tinggi.

INFO

Pelan induk NCER

- Kedah - Membangunkan pusat pertanian dan pengeluaran makanan serta pelancongan pulangan tinggi di Langkawi, selain memajukan kluster industri di Taman Teknologi Tinggi Kulim, Sungai Petani dan Gurun.
- Perlis - Membangunkan Pusat Biji Benih Negara, selain pembinaan depot kontena darat dan pembangunan bandar Padang Besar.
- Pulau Pinang - Menjadi hab pengangkutan serantau dengan menumpukan kepada prasarana, seperti peluasan kawasan lapangan terbang dan pelabuhan, sistem pengangkutan awam bersepadu, pusat keceperlangan elektronik mikro dan pembangunan Bandar Pulau Pinang.
- Perak - Menjadi pusat pembangunan modal insan dan pendidikan, selain memperluaskan kluster elektrik dan elektronik ke Taiping, manakala Selama dijadikan kluster ternakan moden.